

09 FEBRUARI 2018

2 rakan edar dadah ke tali gantung

2 rakan edar dadah ke tali gantung

Kuala Lumpur: Dua rakan dihukum gantung oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam atas empat pertuduhan mengedar pelbagai jenis dadah seberat 123.1 kilogram (kg), tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Azman Abdullah memerintahkan demikian kepada jurujual, Ong Cheng Yaw, 33, dan deejay kelab malam, San Kim Huat, 38, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah

pada akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua lelaki itu didakwa bersama-sama mengedar dadah jenis methamphetamine

seberat 95.2kg methylene-dioxymethamphetamine (MDMA-ekstasi) seberat 26.8kg dan ketamin seberat 1.2kg.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di rumah Jalan Denai Selatan, Desa Park City, Kepong jam 6.25 petang, 12 Mei 2015.

FAKTA
Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di rumah Jalan Denai Selatan, Desa Park City, Kepong